

Reformasi KPM, SPP berjaya atasi kekurangan guru

**FADHLINA**

BANGI - Reformasi sistem pengambilan guru yang dilaksanakan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) berjaya mengatasi isu kekurangan guru di negara ini, kata Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

Beliau berkata, reformasi itu bukan sahaja berjaya menambah bilangan guru, tetapi turut mempertingkatkan aspek kualiti dan kesesuaian guru yang ditempatkan di sekolah.

“Buat kali pertama dalam

sejarah kerajaan, kita bersama dengan SPP telah melaksanakan reformasi bagi memastikan bahawa tiada lagi isu berkaitan kekurangan guru di Malaysia.

“Kita telah menoktahi bagi memastikan bahawa isu kekurangan guru ini dapat kita atasi dengan pelbagai mekanisme, khususnya memastikan guru yang kita hantar juga ialah guru berkualiti dan dapat memenuhi keperluan anak didik kita,” katanya ketika berucap pada Istiadat Konvokesyen Institut Pendidikan Guru KPM ke-15 di sini

pada Khamis.

Dalam perkembangan lain, Fadhlina berkata, Pelan Pendidikan Masa Depan Malaysia 2026-2036 akan melibatkan pengenalan kurikulum yang lebih berfokus kepada pendidikan berteraskan nilai, pembentukan sahsiah dan pembangunan karakter pelajar selaras dengan keperluan masa depan negara.

Beliau menekankan bahawa pelaksanaan kurikulum baharu itu bakal menuntut penglibatan aktif guru baharu dan sedia ada, khususnya lepasan Institut Pendidikan Guru

Malaysia (IPG) untuk memainkan peranan lebih menyeluruh sebagai pembimbing dalam membentuk sahsiah pelajar.

“Kelas yang baik bukan tercipta dengan peraturan. Kelas yang baik tercipta melalui hubungan, harapan dan penghargaan.

“Inilah masanya untuk anak-anak (lepasan IPG) menjadi sebahagian daripada tenaga reformasi, denyut nadi reformasi pendidikan yang sedang kita laksanakan,” katanya. - *Bernama*